

**AGENSI PERSEKUTUAN YANG DIBERIKAN
PENDAPAT DIUBAHSUAI BAGI PENYATA KEWANGAN TAHUN 2023**

BIL.	AGENSI PERSEKUTUAN	ASAS KEPADA PENDAPAT
Pendapat Diubahsuai - Berteguran		
1.	Lembaga Juruukur Bahan Malaysia (LJBM)	<p>LJBM tidak mengakaunkan transaksi kutipan dan bayaran dengan tepat menyebabkan hasil terlebih nyata berjumlah RM45,255 manakala belanja terkurang nyata berjumlah RM63,280. Perkara ini menyebabkan Lebihan Pendapatan Selepas Cukai tahun kewangan 2023 telah terlebih nyata sebanyak RM108,535.</p>
2.	Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM)	<p>a. LKIM tidak membuat pengiraan Manfaat Kakitangan berdasarkan Discounted Present Value seperti kehendak perenggan 77, MPSAS 25. Selain itu, jumlah Gantian Cuti Rehat, gaji akhir serta imbuhan tetap semasa bersara wajib juga tidak diambil kira dalam pengiraan Peruntukan Manfaat Kakitangan. Perkara ini menyebabkan Peruntukan Manfaat Kakitangan terlebih nyata sejumlah RM8,871,254 dan Kumpulan Wang Terkumpul terkurang nyata dengan jumlah yang sama.</p> <p>b. LKIM telah membuat pelarasan pembalikan (reversal) bagi penalti cukai berjumlah RM3,329,835 pada tahun 2022 walaupun keputusan pengecualian penalti cukai tersebut belum diperoleh daripada Lembaga Hasil Dalam Negeri. Perkara ini menyebabkan Pelbagai Pemutang terkurang nyata sejumlah RM3,329,835 dan Kumpulan Wang Terkumpul terlebih nyata dengan jumlah yang sama.</p> <p>c. i) Perbelanjaan kerja melibatkan pemberian kerosakan, perkhidmatan kursus, pembekalan dan bayaran dokumentasi tender bagi tahun 2021 sehingga 2023 telah direkodkan sebagai Kerja Dalam Kemajuan. Perkara ini menyebabkan Kumpulan Wang Terkumpul telah terlebih nyata sejumlah RM510,000, Lebihan Pendapatan Selepas Cukai terlebih nyata sejumlah RM1,814,983 dan Kerja Dalam Kemajuan terlebih nyata sejumlah RM2,324,983.</p> <p>ii) Kerja Dalam Kemajuan yang telah siap dan mempunyai Sijil Perakuan Siap Kerja sejak tahun 2017 hingga 2023 sejumlah RM17,156,914 tidak dipermudalkan sebagai Hartanah, Loji dan Peralatan. Perkara ini menyebabkan Kerja dalam Kemajuan telah terlebih nyata sejumlah RM17,156,914 dan Hartanah, Loji dan Peralatan terkurang nyata dengan jumlah yang sama. Selain itu, perbelanjaan susut nilai yang tidak dicaj ke dalam Penyata Prestasi Kewangan menyebabkan Kumpulan Wang Terkumpul telah terlebih nyata sejumlah RM745,410, Lebihan Pendapatan Selepas Cukai terlebih nyata sejumlah RM626,141 dan Hartanah, Loji dan Peralatan terlebih nyata sejumlah RM1,371,551.</p>
3.	Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu (KADA)	<p>Hal-Hal Lain</p> <p>LKIM hendaklah memberi perhatian terhadap perkara berikut:</p> <p>a. menyelenggara rekod kewangan dengan teratur dan mematuhi polisi perakaunan yang digunakan supaya penyata kewangan dilaporkan dengan tepat; dan</p> <p>b. mengambil tindakan terhadap baki geran yang tidak bergerak sejak tahun 2016 dengan merancang program yang berkaitan atau memulangkan baki tersebut kepada Kementerian Kewangan selaras dengan Pekeliling Perbendaharaan Malaysia PK 2.19.</p> <p>a. Aset telah terlebih nyata sejumlah RM1,995,528 disebabkan terlebih iktiraf penghutang tahun 2022 yang telah menjelaskan hutangnya, terlebih iktiraf cek yang telah tamat tempoh sah laku dan kesilapan mengiktiraf aset tak ketara.</p> <p>b. Liabiliti telah terlebih nyata sejumlah RM6,563,546 disebabkan terlebih iktiraf peruntukan manfaat kakitangan kerana kesilapan</p>

BIL.	AGENSI PERSEKUTUAN	ASAS KEPADA PENDAPAT
		<p>pengiraan yang tidak mengikut Kaedah Unjurian Kredit Unit sebagaimana MPSAS 25, terlebih iktiraf pelbagai pemutang tahun 2022 yang telah dijelaskan, kesilapan mengiktiraf perbelanjaan penyelenggaraan dan pemberaan kecil bagi tempoh Januari 2024 sebagai perbelanjaan tahun semasa dan terkurang mengambil kira belanja terakru bagi perkhidmatan dan bekalan bagi tahun 2023.</p> <p>c. Hasil telah terlebih nyata sejumlah RM536,495 disebabkan terlebih mengiktiraf hasil padi tahun sebelum sebagai tahun semasa.</p> <p>d. Perbelanjaan telah terlebih nyata sejumlah RM343,182 disebabkan terlebih mengiktiraf bayaran ansuran cukai bagi tahun taksiran 2023 dan terlebih mengiktiraf perbelanjaan modal sebagai perbelanjaan hangus.</p>
4.	Lembaga Wakaf Hindu Negeri Pulau Pinang (WAKAF HINDU)	<p>Merujuk Nota 10 kepada Penyata Kewangan, Tabung Kebajikan Dan Pelajaran menunjukkan amaun sejumlah RM573,535 pada 31 Disember 2023. Amaun ini merupakan baki di lejar akaun Tabung Kebajikan Dan Pelajaran manakala baki di lejar bank akaun Tabung Kebajikan Dan Pelajaran adalah berjumlah RM29,718. Pihak Audit tidak dapat mengesahkan ketepatan baki akaun Tabung Kebajikan Dan Pelajaran disebabkan tiada penyesuaian dibuat terhadap perbezaan yang berjumlah RM543,817. Ini menyebabkan berlakunya salah nyata yang ketara di Penyata Kewangan Lembaga Wakaf Hindu Negeri Pulau Pinang bagi tahun berakhir 31 Disember 2023.</p>
5.	Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (SWCorp)	<p>SWCorp telah merekodkan terimaan bagi pembayaran tunggakan sumbangan daripada Pihak Berkuasa Tempatan kepada Kumpulan Wang Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam sebagai Terimaan Tak Ditunai Boleh Diperoleh berjumlah RM60.41 juta. Perkara ini menyebabkan Aset-Aset Lain terlebih nyata dan Akaun Belum Terima Bagi Urus Niaga Pertukaran terkurang nyata berjumlah RM60.41 juta.</p> <p>Penegasan Perkara</p> <p>a. SWCorp telah merekodkan Kurangan Selepas Cukai sejumlah RM53.90 juta (2022: RM87.20 juta). Hasil yang diterima berjumlah RM2.240 bilion (2022: RM2.178 bilion) meliputi geran Kerajaan sebanyak RM1.545 bilion (2022: RM1.498 bilion) tidak dapat menampung perbelanjaan operasi berjumlah RM2.291 bilion (2022: RM2.266 bilion).</p> <p>b. SWCorp merekodkan Liabiliti Semasa Bersih berjumlah RM145.87 juta (2022: RM101.29 juta). Perkara ini berdasarkan Aset Semasa yang berjumlah RM581.17 juta (2022: RM645.56 juta) dan Liabiliti Semasa berjumlah RM727.04 juta (2022: RM746.85 juta). Bagi tempoh jangka panjang, jumlah liabiliti melebihi aset sebanyak RM140.15 juta (2022: RM94.61 juta). Aset SWCorp berjumlah RM691.79 juta (2022: RM759.86 juta) tidak dapat menampung liabiliti berjumlah RM831.94 juta (2022: RM854.47 juta). Manakala Tunai dan Kesetaraan Tunai pada 31 Disember 2023 adalah sebanyak RM217.21 juta (2022: RM279.66 juta).</p> <p>c. Kemampuan SWCorp menampung kos operasi dan komitmen kewangan pada masa hadapan adalah bergantung kepada bantuan kewangan Kerajaan.</p> <p>Hal-hal Lain</p> <p>SWCorp perlu mengambil perhatian terhadap perkara berikut:</p> <p>a. Memastikan tindakan penyelesaian diambil terhadap perbezaan baki Akaun Belum Terima yang direkodkan antara Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam dan Pihak</p>

BIL.	AGENSI PERSEKUTUAN	ASAS KEPADA PENDAPAT
		<p>Berkuasa Tempatan berkaitan bagi memastikan hasil SWCorp dapat dikutip dengan sewajarnya.</p> <p>b. Memastikan tindakan segera diambil terhadap perbezaan baki Akaun Belum Bayar yang direkodkan antara Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam dan syarikat konsesi yang dilantik.</p>
6.	Perbadanan Perusahaan Kecil Dan Sederhana Malaysia (SME Corp. Malaysia)	<p>SME Corp. Malaysia telah merekodkan baki debit berjumlah RM7.96 juta bagi geran tertunda untuk program BEEP PLUS pada akhir tahun kewangan 2023. Geran tertunda ini telah dilunaskan berjumlah RM73.81 juta melebihi jumlah asal yang diberikan berjumlah RM65.85 juta pada RMKe-11. Bagaimanapun, Perbadanan Perusahaan Kecil Dan Sederhana Malaysia tidak mendapat kelulusan daripada Kementerian Kewangan Malaysia untuk berbelanja melebihi peruntukan.</p> <p>Hal-hal Lain</p> <p>SME Corp. Malaysia perlu mengambil perhatian terhadap perkara berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> a. Menambahbaik kaedah pengurusan geran dengan mengakaunkan geran mengikut program yang diluluskan oleh Kementerian Kewangan Malaysia bagi memastikan geran dibelanjakan mengikut maksudnya. b. Memastikan baki geran pembangunan tanpa komitmen bagi Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMKe-10) dan Rancangan Malaysia Kesebelas (RMKe-11) dipulangkan kepada Kementerian Kewangan Malaysia sekiranya tidak mendapat kelulusan Notis Perubahan (NOC).
7.	Perbadanan PR1MA Malaysia (PR1MA)	<ul style="list-style-type: none"> a. PR1MA telah mempermudahkan komisen jualan dan kos guaman bagi penjualan unit rumah berjumlah RM42.18 juta yang tidak mematuhi kehendak MFRS 102, Inventori. Kos tersebut sepatutnya direkodkan sebagai perbelanjaan dalam tempoh ianya ditanggung. Perkara ini menyebabkan amaun inventori terlebih nyata dan perbelanjaan terkurang nyata sejumlah RM42.18 juta. b. PR1MA telah mengiktiraf kos jualan berjumlah RM289.91 juta berdasarkan peratus penjualan rumah. Kos jualan yang sepatutnya diiktiraf adalah berjumlah RM281.80 juta iaitu berdasarkan peratus siap projek setakat 31 Disember 2023 selaras dengan kehendak MFRS 15, Hasil daripada Kontrak dengan Pelanggan. Perkara ini menyebabkan kos jualan dan kurangan bersih terlebih nyata sejumlah RM8.11 juta. c. PR1MA telah membuat bayaran bonus kakitangan bagi tahun 2023 berjumlah RM4.67 juta dan perlu mengiktiraf amaun tersebut dalam tahun 2023 seperti kehendak MFRS 110, Peristiwa Selepas Tempoh Pelaporan. Bagaimanapun, PR1MA hanya mengiktiraf perbelanjaan bonus kakitangan berjumlah RM4.67 juta pada tahun 2024. Perkara ini menyebabkan perbelanjaan kakitangan terkurang nyata dan kurangan bersih terlebih nyata berjumlah RM4.67 juta. <p>Hal-hal Lain</p> <p>PR1MA perlu mengambil perhatian terhadap perkara berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> a. Prestasi empat daripada enam syarikat subsidiari PR1MA telah mencatatkan kerugian dalam penyata kewangan masing-masing pada tahun 2023. Sehubungan itu, PR1MA hendaklah meningkatkan pemantauan terhadap operasi dan pengurusan kewangan syarikat subsidiari bagi memastikan kelestarian syarikat dapat dikekalkan dan berupaya untuk memberi pulangan yang baik kepada PR1MA serta mencapai objektif penubuhannya.

BIL.	AGENSI PERSEKUTUAN	ASAS KEPADA PENDAPAT
		<p>b. PR1MA juga hendaklah menilai semula strategi pembangunan projek perumahan dan komersial yang dirancang dan sedang dilaksanakan berdasarkan keperluan dan pasaran semasa bagi memastikan kebolehpasaran penjualan unit rumah dapat dipertingkatkan serta mencapai objektif pembangunan projek.</p> <p>c. Selain itu, PR1MA juga perlu memastikan pengurusan tatakelola diambil serius supaya dapat membantu meningkatkan keberkesan dan ketelusan dalam pengurusan PR1MA.</p>
8.	Yayasan Tunku Abdul Rahman (YTAR)	<p>a. YTAR telah merekodkan nilai tanah di Lot No. PT6261, Mukim Sok, Daerah Sik, Kedah di penyata kewangan dengan jumlah RM13.5 juta berdasarkan penilaian tanah yang dibuat pada tahun 2016 dan bukan penilaian yang dibuat pada tahun semasa berjumlah RM16.1 juta. Ini menyebabkan nilai tanah telah terkurang nyata sejumlah RM2.6 juta.</p> <p>b. YTAR tidak membuat pelarasan tahun lalu (Prior Year Adjustment) terhadap pinjaman pengajian sebaliknya hanya membuat pelarasan tahun semasa berjumlah RM543,577. Ini menyebabkan amaun pinjaman pengajian tahun terdahulu terkurang nyata.</p> <p>c. YTAR tidak merekodkan hutang ragu yang melibatkan caj pengurusan, caj penalti dan yuran guaman berjumlah RM334,294. Ini menyebabkan hutang ragu terkurang nyata dengan amaun yang sama.</p> <p>Hal-hal Lain</p> <p>YTAR hendaklah memastikan amaun pinjaman pengajian direkodkan dengan teratur dan kemas kini bagi memastikan pinjaman pengajian yang dilaporkan adalah tepat dan memberi gambaran yang benar dan saksama.</p>
Pendapat Diubahsuai - Bertentangan		
1.	Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA)	<p>a. Sejumlah RM392.95 juta amaun di Penyata Kewangan tidak dapat disahkan dengan Imbangan Duga yang dijana daripada Sistem Perakaunan SAGA Versi 8.0 kerana dokumen sokongan tidak dapat dikemukakan melibatkan enam item di Penyata Kedudukan Kewangan iaitu Hartanah, Loji dan Peralatan, Kumpulan Wang Am, Akaun Khas, Geran Tertunda, Kumpulan Wang Pengurusan dan Kumpulan Wang Rizab. Selain itu, tujuh item di Penyata Prestasi Kewangan juga terlibat iaitu Pelbagai Penerimaan, Perbelanjaan-perbelanjaan Lain, Perbelanjaan Kumpulan Wang Rizab, Perbelanjaan Pembangunan, Susut Nilai, Pelunasan dan Cukai. Sejumlah RM378.52 juta jurnal pelarasan melibatkan transaksi tahun semasa telah dilaraskan ke Kumpulan Wang Pengurusan.</p> <p>Hal ini berlaku disebabkan Sistem Perakaunan SAGA tersebut yang digunakan tidak memenuhi kehendak piawaian perakaunan MPSAS. Oleh itu, pihak MADA telah membuat pelarasan secara manual di luar Sistem Perakaunan SAGA menyebabkan baki awal bagi item di Penyata Kedudukan Kewangan tidak dapat disahkan.</p> <p>b. MADA telah membuat pelarasan bagi membetulkan kesilapan tahun 2022. Kesilapan tersebut melibatkan tiada perekodan terhadap Wang Pendahuluan Projek berjumlah RM2.81 juta, Akaun Simpanan Wang Cagaran berjumlah RM1.83 juta, dan perbezaan amaun Hartanah, Loji dan Peralatan berjumlah RM402,359. MADA tidak dapat mengenal pasti item yang sepatutnya dibuat pelarasan menyebabkan pelarasan bagi kesilapan tahun 2022 tersebut dilakukan di Kumpulan Wang Pengurusan.</p>